

## **KENYATAAN MEDIA – UNTUK EDARAN SEGERA**

*8 Ogos 2020*

Badan Warisan Malaysia (BWM), Badan Bukan Kerajaan yang terunggul dalam mempelopori sektor warisan di Malaysia sejak tahun 1983, amat kecewa atas tindakan perobohan bangunan-bangunan warisan yang menjadi sebahagian daripada sejarah di Bukit Fraser. Tindakan ini juga menyebabkan kehilangan sejarah dan warisan seni bina negara yang tidak ternilai.

BWM amat mengambil berat mengenai isu pemusnahan tidak terkawal bangunan-bangunan warisan negara ini. Kenyataan media ini dikeluarkan untuk menyatakan ketidakpuasan hati Ahli-ahli Majlis Badan Warisan Malaysia terhadap tindakan perobohan di Bukit Fraser ini.

BWM amat menitik beratkan isu pemeliharaan warisan negara untuk generasi akan datang. Justeru itu, pihak kami amat kecewa di atas tindakan pihak tertentu yang diteruskan tanpa memberi pertimbangan terhadap impak kepada warisan negara.

Seperti sedia maklum, Bukit Fraser telah menyambut ulang tahun yang ke-100 tahun sebagai stesen bukit pada 2019. Lokasinya yang unik di kawasan pergunungan di Semenanjung Malaysia yang juga mengehadkan akses ke tempat peranginan bukit ini telah secara tidak langsung memelihara keunikan warisan senibina dan semulajadi. Pembangunan yang tidak terkawal akan menjejaskan kualiti keunikan tempat ini yang menjadi tumpuan pengunjung-pengunjung dari dalam dan luar negara selama 100 tahun.

Nilai-nilai warisan ketara dan tidak ketara haruslah dipantau dan dijaga oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ketika menilai sumber pelancongan. PBT juga haruslah mengambil berat dalam mengawal pembangunan yang bakal berlaku pada masa ini supaya mengekalkan suasana luar bandar dan sebaliknya mengelakkan pembangunan tingkat tinggi yang akan memusnahkan atau mencacatkan keindahan Bukit Fraser.

Walaupun hartanah itu adalah hak milik peribadi, tetapi tindakan ini adalah amat merugikan kerana peluang untuk mendokumentasikan ciri-ciri senibina bangunan ikonik dalam bentuk lukisan terukur untuk disimpan dan dipelihara yang boleh menjadi rujukan akan datang dalam pembelajaran, industri senibina dan sebagainya sudah tiada.

Selain daripada itu, BWM juga amat berbesar hati dan menghargai usaha dan inisiatif oleh pihak DBKL yang telah mengiktiraf 353 lokasi dan bangunan warisan di bawah program Jejak Warisan dalam meningkatkan industri pelancongan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kami juga berharap agar pihak berkuasa tempatan di seluruh negara dapat melaksanakan inisiatif seperti ini untuk memelihara warisan negara untuk generasi akan datang. Apa yang hilang sekarang akan terus lenyap oleh peredaran masa.

Petisyen yang dilaksanakan di laman sesawang Change.org telah berjaya mendapatkan 5,000 tandatangan sehingga kini. Berikut adalah pautan untuk petisyen ini <https://bit.ly/30rDVkp>

### **Mengenai Badan Warisan Malaysia**

Badan Warisan Malaysia ialah sebuah badan bukan kerajaan yang telah mempelopori bidang pemeliharaan warisan sejak dari penubuhannya pada tahun 1983. BWM adalah sebuah organisasi yang berusaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai warisan dan menyokong usaha kegiatan pemuliharaan dan pemeliharaan warisan ketara dan tidak ketara di Malaysia. BWM juga bekerjasama dengan komuniti, institusi, sektor swasta dan agensi kerajaan yang berkenaan untuk mempromosikan aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan dan tapak warisan. BWM juga memainkan peranan penting dalam sektor pendidikan mengenai warisan dan menjalankan kajian dan dokumentasi bangunan warisan dan membuat pembentangan mengenai kajian yang dilakukan di peringkat negara dan antarabangsa.

Untuk maklumat lanjut mengenai BWM, sila layari [badanwarisan.org.my](http://badanwarisan.org.my)